

5 JAN 1996

Mahathir-Longgok

MAHATHIR: ADA NEGARA CUBA HALANG KEMASUKAN BARANG KITA

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sesetengah negara maju melabelkan barangan keluaran Malaysia sebagai produk longgokan dalam cubaan menghalang pengimportannya.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak boleh dianggap sebagai melonggok barangannya di luar negara semata-mata kerana harga jualannya yang murah.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Anak-anak Yatim Darul Kifayah, Wilayah Persekutuan di Kampung Delima di sini hari ini berkata : "Biasanya, barangan yang sama dijual dalam negeri dengan harga yang tentu tinggi kerana kita mengenakan cukai. Dan bila dieskport ia tidak dikenakan cukai... itu adalah amalan biasa."

Katanya soal sama ada hendak menganggap Malaysia sebagai melonggok barangan keluarannya dengan harga murah di negara asing bergantung kepada tafsiran masing-masing.

"Penyakit longgokan barangan ini kita dapati di mana-mana sahaja, tinggal lagi tafsirannya sama ada nak kata longgokan atau tidak, kadang-kadang kerana dia nak halang kemasukan barangan dia kata kononnya kita dumping," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar yang diterbitkan di London baru-baru yang ini yang memetik negara-negara Kesatuan Eropah sebagai mendakwa banyak negara di dunia termasuk Malaysia melonggokkan barangan mereka di negara-negara berkenaan.

Perdana Menteri berkata Malaysia juga terdedah kepada longgokan dan menyebut sebagai contoh industri keluli kerana di Malaysia industri itu kecil dan dengan itu harganya mahal.

Katanya mereka (Eropah) mempunyai industri keluli yang begitu besar dan harganya murah, dan bila-bila masa boleh menggugat industri itu di negara ini.

"Sebab itu kita terpaksa kenakan sekatan cukai untuk menaikkan balik harga mereka dan ini kita buat kerana kita negara kecil...negara yang besar tak perlulah buat macam itu," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata ada pihak tidak membenarkan Malaysia menubuhkan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) kononnya kerana "kita blok perdangangan."

"Tetapi negara-negara Eropah menjadi blok perdagangan dan tidak ada siapa yang marah," katanya. -- BERNAMA